

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapa jumlah aset, pelaburan serta ekuiti syarikat di bawah agensi dan milikan Kerajaan yang telah dijual kepada syarikat milikan asing tempatan. Perincikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Penjualan (atau lebih tepat, “pelupusan”) aset adalah aktiviti perniagaan yang lazim dilakukan oleh Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) seperti Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

2. Penjualan atau lebih tepat pelupusan aset adalah aktiviti perniagaan yang lazim dilakukan oleh Khazanah sebagai sebuah dana pelaburan ataupun *investment fund* dan bukanlah suatu perkara yang baharu. Ia juga adalah aktiviti perniagaan yang dilakukan oleh dana pelaburan yang lain. Memandangkan Khazanah tidak menerima

sebarang suntikan dana daripada sumber luar untuk pelaburannya, hasil pelupusan merupakan sumber utama untuk pelaburan baharu.

3. Ini berbeza dengan KWSP dan PNB. Selain daripada hasil pelupusan, KWSP menerima dana daripada caruman pekerja secara berkala manakala PNB menerima dana daripada pelabur dalam unit amanahnya untuk aktiviti pelaburan mereka.

4. Pelupusan aset dipertimbangkan sebaik sahaja sesuatu pelaburan telah mencapai sasaran kewangan dan strategik yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, pelaburan tersebut telah mencapai keuntungan yang disasarkan. Pelupusan sesuatu aset juga bergantung kepada masa dan kekuatan pasaran serta ketersediaan ataupun *availability, quality* dan *credibility* pembeli. Prinsip ini digunakan untuk pelupusan sebelum ini dan sebarang pelupusan yang akan dibuat pada masa hadapan.

5. Senarai pelupusan dalam syarikat-syarikat tersenarai awam terpilih berdomisil luar negara yang telah dilaksanakan oleh Khazanah antara bulan Mei 2018 hingga Ogos 2019 adalah:

- i. BDO Unibank Inc, pelupusan penuh bernilai RM1,559 juta;
- ii. Infosys Limited, pelupusan penuh bernilai RM201 juta;
- iii. PT Charoen Pokphand Indonesia, pelupusan penuh bernilai RM196 juta;
- iv. Titan Industries Limited, pelupusan separa bernilai RM89 juta;
- v. Alibaba Group Holdings, pelupusan separa bernilai RM2,234 juta;
- vi. Farfetch.com Limited, pelupusan penuh bernilai RM771 juta; dan
- vii. SEA Limited, pelupusan penuh bernilai RM612 juta.

Sekian, terima kasih.